

29 FEB 1996
Mahathir-MTUC
PM BIDAS MTUC MENGENAI ISU DIVIDEN KWSP

LANGKAWI, 29 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sikap keterlaluan pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berhubung isu pemberian dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh memudaratkan ekonomi negara.

Beliau berkata keangkuhan mereka kerana tidak berpuas hati dengan pemberian dividen 7.5 peratus bagi tahun kewangan berakhir 1995 itu boleh menyebabkan negara muflis.

"Mereka sombong dan mudah sahaja kata kita mesti bayar lebih sedangkan kita tidak mampu. Inilah...bila tiada duit tapi mahu juga berbelanja lebih, ini boleh menyebabkan negara muflis," katanya pada persidangan berita di sini.

Dr Mahathir berkata penjelasan mengenai mengapa KWSP hanya mampu membayar dividen sebanyak itu (berbanding 8 peratus tahun sebelumnya) sudah dibuat dan beliau tidak nampak keperluan untuk mengulanginya.

"Kita tidak mampu, jadi kita tidak bolehlah bayar lebih. Tapi pemimpin MTUC tidak peduli semua itu. Apa yang mereka tahu ialah menuntut pembayaran tidak kira kita untung atau rugi," katanya.

Katanya, sikap MTUC ialah "gaji mesti naik, kalau tidak, mogok. Dan kenapa minta kenaikan... sebab kami kuat."

Dr Mahathir berkata itulah "kuasa menawar" MTUC yang lebih merupakan menguji kekuatan dengan membelakangkan adab dan pertimbangan.

Beliau berkata sikap itu amat tidak bertanggungjawab dan boleh merosakkan negara.

"Kalau kita tengok Britain yang kesatuan sekerjanya tidak bertanggungjawab, habis semuanya. Kalau MTUC nak bagi rosak Malaysia asalkan mereka dapat apa yang dihajati, bolehlah. Nanti negara barat pula akan puji mereka sebab sudah rosakkan enonomi negara," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mempunyai masalah dengan anggota kesatuan kerana mereka boleh bertolak-ansur tetapi tidak dengan pemimpin mereka.

Menurutnya beliau percaya ini kerana pemimpin terbabit mahukan sokongan supaya boleh memimpin selama-lamanya.

"Macam sesetengah ahli politik jugalah, bila hendakkan undi mereka memberi banyak janji dan pemimpin MTUC pula berjanji akan menuntut dan mendesak untuk sesuatu tanpa mepedulikan kesannya terhdap ekonomi negara," katanya.

Mengenai keengganan pemimpin MTUC menemui pengurusan KWSP tanpa kehadiran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata itu adalah bukti sikap sombong pemimpin berkenaan.

"Susahlah kalau tidak boleh jumpa dengan orang kecil. Hanya mahu bertemu dengan orang atasan sahaja.

"Tidak lama nanti saya pun mereka tidak mahu jumpa sebab nampak saya kecil dan kalau begitu jumpalah dengan Presiden Bill Clinton," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak melihat sebarang keperluan untuk Anwar menemui orang yang bersikap sedemikian.

"Tidak payahlah nak jumpa orang macam itu...jumpa pun tidak ada apa, bukan kita boleh tambah bayaran dan bukan duit Anwar untuk dibahagikan," katanya.

MTUC sebelum ini mengumumkan akan berpiket di seluruh negara kerana tidak berpuas hati dengan pemberian dividen itu, kadar yang terendah dalam tempoh 15 tahun.

Mereka juga enggan memenuhi undangan KWSP bagi membincangkan isu itu tanpa kehadiran Anwar yang juga Menteri Kewangan. -- BERNAMA
ZAA NMO